

KENYATAAN MEDIA

Keuntungan SEDANIA melonjak tiga kali ganda pada suku pertama

Sorotan Utama:

- Keuntungan selepas cukai pada 1QFYE23 meningkat tiga kali ganda kepada RM1.6 juta dan melebihi pendapatan tahunan penuh sebelumnya
- Hasil pendapatan meningkat 29% kepada RM11.7 juta daripada RM9.0 juta setahun lalu
- ‘Sustainable Healthcare’ menyaksikan permintaan yang lebih kukuh untuk produk mesra alam di Asia, Eropah dan pasaran domestik; ‘FinTech’ mencatatkan hasil pendapatan yang lebih tinggi didorong oleh peningkatan ketara aliran trafik daripada platformnya

KUALA LUMPUR, MEI 24 2023 - Pemangkin ESG SEDANIA Innovator Berhad (“SEDANIA” atau “Kumpulan”) memulakan 2023 dengan mencatatkan lonjakan tiga kali ganda dalam keuntungan selepas cukai kepada RM1.6 juta pada suku pertama berakhir 31 Mac 2023 (1QFYE23) daripada RM510,000 setahun yang lalu.

Prestasi keuntungan yang positif dicapai seiring dengan pendapatan Kumpulan yang meningkat 29% kepada RM11.7 juta pada 1QFYE23 daripada RM9.0 juta setahun yang lalu, didorong oleh sumbangan yang lebih kukuh daripada segmen ‘Sustainable Healthcare’ dan ‘FinTech’, serta keuntungan operasi yang lebih baik daripada semua segmen perniagaan.

Pengasas dan Pengarah Urusan SEDANIA, Datuk Azrin Mohd Noor berkata, “Keuntungan selepas cukai 1QFYE23 kami melebihi pendapatan tahunan penuh bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022. Pencapaian positif ini merintis potensi pertumbuhan memberangsangkan untuk SEDANIA capai pada tahun 2023.

“Jenama ‘Sustainable Healthcare’ kami, Offspring, kini boleh didapati di 26 negara selepas pengembangan pasaran terbarunya ke UAE, Arab Saudi dan Mesir and merupakan antara pemacu pertumbuhan kami masa hadapan. Dengan kira-kira 200 negara di dunia dan anggaran peningkatan populasi hampir 2 bilion orang dalam tempoh 30 tahun akan datang, masih terdapat banyak ruang untuk pertumbuhan luas bagi Offspring terutamanya di dunia hari ini yang semakin menghargai dan mengutamakan kelestarian.

“Prospek pertumbuhan bagi segmen ‘FinTech’ kami juga bertambah baik melalui kerjasama *hibah* digital dengan syarikat bersekutu terbaharu kami Wasiyyah Shoppe Berhad (Wasiyyah Shoppe). Dengan kadar pelaksanaan *hibah* di kalangan umat Islam Malaysia kini hanya 0.2%, terdapat banyak peluang pertumbuhan melalui kerjasama ini. Kami berada dalam kedudukan strategik untuk mengembangkan keuntungan kami dengan memasuki pasaran yang belum diterokai ini sambil memacu warisan lestari dan perancangan kekayaan untuk masyarakat Islam tempatan, terutamanya dengan beberapa institusi perkhidmatan kewangan menyatakan minat terhadap platform hibah digital hujung ke hujung kami yang lengkap.”

Dalam 1QFY23, SEDANIA mencatatkan sumbangan keuntungan daripada syarikat bersekutu berjumlah RM160,000. Ia diperoleh daripada Wasiyyah Shoppe, syarikat bersekutu terbaharu SEDANIA berikutan selesainya pengambilalihan 20% kepentingan Kumpulan dalam Wasiyyah Shoppe seperti yang diumumkan pada 1 Mac 2023.

Segmen 'Sustainable Healthcare' Kumpulan memperlihatkan permintaan yang lebih kukuh untuk rangkaian produk penjagaan kesihatan mesra alam merentas pasaran antarabangsa utama di Asia dan Eropah, serta dalam pasaran tempatan Malaysia. Pendapatan 'Sustainable Healthcare' meningkat 26% kepada RM9.2 juta dalam 1QFY23 daripada RM7.3 juta setahun sebelumnya.

Di samping itu, perniagaan 'FinTech' SEDANIA mencatatkan prestasi terbaik dalam 1QFY23 dirangsang oleh peningkatan pendapatan dan keuntungan menggalakkan.

Pendapatan 'FinTech' melonjak 82% kepada RM2.1 juta daripada RM1.1 juta setahun lalu didorong terutamanya oleh peningkatan ketara aliran trafik daripada platform perkhidmatan Tawarruq dan GoHalalnya. Keuntungan operasi sebelum cukai segmen tersebut meningkat lebih daripada dua kali ganda kepada RM1.0 juta pada 1QFY23, berbanding RM0.4 juta pada tahun sebelumnya.

Ketua Pegawai Eksekutif SEDANIA Daniel Ruppert menambah, "Sementara segmen 'Sustainable Healthcare' dan 'FinTech' kami bersedia untuk pertumbuhan yang menarik, kami juga mencapai kemajuan dalam melaksanakan projek 'Sustainable Energy' kami dan menjangkakan pengiktirafan hasil akan meningkat secara beransur-ansur sepanjang baki tiga suku tahun 2023.

"Ini akan didorong oleh jumlah besar projek tenaga boleh diperbaharui dan projek kecekapan tenaga yang akan dilaksanakan untuk pelanggan sedia ada, serta keyakinan dalam mendapatkan kontrak baharu daripada pelbagai industri seperti perkilangan, komersial, hospitaliti dan organisasi kerajaan."

- Tamat -

Mengenai Sedania Innovator Berhad

SEDANIA Innovator Berhad ialah syarikat pemegang pelaburan dengan tumpuan dalam perniagaan lestari. Sejak penyenaiaannya pada 2015 di Pasaran ACE, Bursa Malaysia, Sedania telah melabur dalam perniagaan inovatif yang membawa kepada pengurangan pelepasan karbon dan memupuk kehidupan yang lebih inklusif dan lestari untuk masyarakat.

SEDANIA membolehkan kelestarian untuk organisasi dengan melabur, membiayai dan menggunakan penyelesaian kecekapan tenaga dan sistem tenaga boleh diperbaharui. Penyelesaian tenaga hijau SEDANIA telah menjimatkan lebih 76 gigawatt-jam dan RM30 juta dalam kos tenaga pelanggan korporatnya.

Bagi pengguna, SEDANIA menawarkan produk bayi organik premium yang mengurangkan pelepasan karbon melalui pemilihan bahan mesra alam dan bahan terbiodegradasi. Lebih 170 produk premium dan lestari buatan Australia dijual di bawah jenama Offspring dalam talian dan melalui beberapa kedai runcit di lebih 25 negara di seluruh dunia.

Menerusi anak syarikatnya SEDANIA As Salam Capital Sdn Bhd, SEDANIA turut memainkan peranan dalam mempercepatkan penggunaan perbankan digital setelah memperkasakan hampir 95 institusi kewangan dengan pelbagai penyelesaian Fintech termasuk Platform Komoditi Digital berasaskan API yang dipatenkan. Selain itu, ia memperkasakan rangkaian kewangan dalam kalangan masyarakat melalui Program Pembiayaan GoHalal dan platform hibah digital lengkap yang memudahkan perancangan harta pusaka Islam.

Kami adalah Innovator. Kami meningkatkan kehidupan secara lestari.

Log masuk ke www.sedaniainnovator.com untuk mengetahui lebih lanjut tentang inovasi lestari kami.

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Doreenn Leong / Darryl Louis De Souza

Tel: 03-7880 2001 / +6012 2121620 / +6017 2407881

Emel: media@sedaniainnovator.com

 [Sedania Innovator Berhad](#)

 [sedaniainnovatorbhd](#)

 [Sedania Innovator Berhad](#)